

Khidmat bekas wakil rakyat BN masih diperlukan

Oleh Daud Awang

MELAKA, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sumbangan dan idea bekas wakil rakyat Barisan Nasional (BN) masih diperlukan untuk memperkukuhkan jentera parti, terutama di peringkat akar umbi.

Beliau berkata, pengalaman sebagai bekas wakil rakyat sedikit sebanyak dapat membantu wakil rakyat parti dan hal kemasyarakatan.

Katanya, walaupun mereka sudah bersara, pengalaman ketika berkhidmat sebagai wakil rakyat wajar dikongsi bersama oleh pemimpin setempat bagi me-

wujudkan perkhidmatan cemerlang.

"Kerajaan berharap bekas wakil rakyat terus memberi sumbangan tenaga dan idea bagi memastikan kerajaan BN sentiasa mendapat sokongan rakyat.

"Ini penting kerana hanya kekukuhan dan kestabilan kerajaan akan menjamin rakyat hidup dalam suasana bersatu padu dan harmonis," katanya pada majlis penutupan konvensyen Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Malaysia, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Presiden Mubarak, Datuk Abdul Razak Alias serta 300 ahli Mubarak yang terdiri

daripada bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Parlimen.

Konvensyen tiga hari itu membincangkan isu perpaduan negara dan politik semasa.

Pada majlis itu, Abdullah turut menerima rumusan dan resolusi konvensyen yang disampaikan oleh Abdul Razak. Turut menerimanya ialah Mohd Ali.

Antara kandungan resolusi itu ialah Mubarak menyokong penuh dan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah.

Resolusi lain ialah:

● Menerima dan mem-

beri penuh kepercayaan kepada Dr Mahathir melantik Abdullah sebagai pengantinya yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri apabila mengundurkan diri pada Oktober 2003;

● Mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Menteri Melaka atas keprihatinan beliau terhadap perjuangan Mubarak dan bersetuju menjadikan Melaka sebagai tempat konvensyen yang julung kali diadakan, di samping mengharapkan supaya negeri lain turut sama menyokong Mubarak;

● BN memandang serius sikap sesetengah golongan yang tidak menyokong langkah meningkatkan per-

paduan bangsa Malaysia;

@ BN perlu melakukan muhasabah diri untuk menentukan kejayaan masa depan, khususnya pada pi-

lihatan raya akan datang;

● Mubarak akan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memartabatkan

bangsa Malaysia dalam semua aspek; dan

● Mubarak akan membantu menjelaskan mengenai Islam sebagai satu aki-

dah yang bukan diperalatkan sebagai permainan politik seperti yang dipesong dan dikelirukan oleh Pas atau mana-mana pihak.